

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak yang dilaporkan sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac 2020 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*] dan Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].

Bilangan kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat mulai 18 Mac 2020 sehingga Oktober 2020 ialah sebanyak **378** kes dan pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut:

**STATISTIK KEGANASAN RUMAH TANGGA YANG DILAPORKAN
KEPADA JKM (18 MAC HINGGA OKTOBER 2020)**

BIL.	NEGERI	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1.	Selangor	9	129	138
2.	WP Kuala Lumpur	0	37	37
3.	Johor	2	32	34
4.	Kedah	5	27	32
5.	Pulau Pinang	0	27	27
6.	Pahang	2	25	27
7.	Negeri Sembilan	1	18	19
8.	Perak	0	18	18
9.	Sabah	1	16	17
10.	Kelantan	2	11	13
11.	Melaka	0	11	11
12.	Terengganu	0	3	3
13.	Sarawak	0	2	2
14.	WP Labuan	0	0	0
JUMLAH		22	356	378

Berdasarkan statistik JKM, kes penderaan kanak-kanak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **1,388** kes. Kes penderaan telah menunjukkan peningkatan daripada bulan Mac ke Jun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 20%. Penderaan seksual menunjukkan peningkatan sebanyak 41% daripada bulan Mac 2020 sehingga sekarang.

STATISTIK KES PENDERAAN KANAK-KANAK SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

BIL.	JENIS PENDERAAN	BULAN				JUMLAH
		MAC	APRIL	MEI	JUN	
1.	Fizikal	96	59	98	116	369
2.	Seksual	123	88	116	174	501
3.	Emosi	13	16	7	10	46
4.	Pengabaian	133	66	111	162	472
JUMLAH		365	229	332	462	1,388

Sekian, terima kasih.